



1 - 15 DISEMBER, 2022

PERCUMA

PENANG 2030

# BULETIN MUTIARA

www.buletinmutiara.com | buletinmutiara | ChowKonYeow | chowkonyeow | @ChowKonYeow


# Butterworth Arena

## pusat konvensyen terbesar utara Semenanjung


Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**


**BAGAN JERMAL -** Dengan peruntukan Kerajaan Negeri berjumlah RM59.5 juta, agensinya Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) berjaya menyiapkan Butterworth Arena atau Pusat Konvensyen Pameran Kebudayaan dan Kesenian Antarabangsa Pulau Pinang (PiECCA) yang mula beroperasi pada November 2022.

Mengulas lanjut, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata bahawa *Island LandsCAP Properties Group* telah dipilih sebagai firma pengendali semua fasiliti di sini dalam tempoh kontrak 10 hingga 15 tahun dengan jangkaan pulangan hasil keseluruhan kira-kira RM11 juta setahun kepada Kerajaan Negeri.

Di samping itu, beliau yang juga Exco Pembangunan Tanah & Ekonomi dan Komunikasi menyatakan bahawa Kerajaan Negeri juga berhak memanfaatkan semua fasiliti di PiECCA dengan nilai sewaan maksimum RM600,000 setahun.

"Sebagai pemilik bangunan ini (Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Ketua Menteri, CMI) diharap turut mendapat manfaat dalam bentuk penggunaan fasiliti dengan nilai sewaan RM600,000 setahun," jelasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota dalam Majlis Lawatan Rasmi dan Penyerahan Surat Tawaran Menguruskan PiECCA di sini pada 27 Oktober 2022.




**KETUA Menteri dan barisan kepimpinan Kerajaan Negeri pada Majlis Lawatan Rasmi dan Penyerahan Surat Tawaran Menguruskan PiECCA di sini baru-baru ini.**

Exco Infrastruktur dan Pengangkutan, Zairil Khir Johari; Exco Belia dan Sukan merangkap ADUN Bagan Jermal, Soon Lip Chee; Exco Kebajikan dan Alam Sekitar, Phee Boon Poh; Pegawai Kewangan Negeri, Zabidah Safar dan Timbalan Pengurus Besar CMI, S. Bharathi turut menyaksikan majlis penyerahan surat tawaran mengurus PiECCA kepada Pengerusi Eksekutif Island LandCAP Properties Group, Datuk Oon Weng Boon.


*(Sambungan di muka 2).*




**RUPA bentuk Butterworth Arena atau Pusat Konvensyen Pameran Kebudayaan dan Kesenian Antarabangsa Pulau Pinang (PiECCA).**

# NI buka hab pengedaran rantaian bekalan global

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **LAW SUUN TING**

**BATU MAUNG** - *National Instruments* (NI) pada awal November lalu mengumumkan pembukaan hab pengedaran rantaian bekalan globalnya yang baharu di sini.

Pengarah Urusan NI Malaysia, Selvam Chinappan berkata, bangunan yang menempatkan hab baharu itu bakal memainkan peranan penting dalam mengukuhkan lagi kedudukan dan pasaran global NI.

"Hab ini berfungsi sebagai pusat pengedaran global untuk ujian automatik berkaitan perisian dan sistem pengukuran automasi.

"Apabila hab ini beroperasi sepenuhnya, ia akan membawa pertumbuhan NI bagi pasaran produk yang berkaitan dengan aplikasi trendmega Revolusi Industri 4.0 termasuk *Internet of Things* (IoT), teknologi 5G dan automotif," katanya pada majlis perasmian pembukaan hab berkenaan di sini 1 November lalu.

Difahamkan, kemudahan baharu tercanggih syarikat multinasional dari Amerika Syarikat itu adalah sebahagian daripada pelan pengembangan yang diumumkan oleh NI pada November 2019 yang merangkumi pelaburan modal berjumlah USD$40 juta (RM166 juta) dan 250 pekerjaan baharu dalam bidang penyelidikan dan pembangunan (R&D), pembuatan dan jualan.

Berkeluasan 60,000 kaki persegi di atas tanah seluas enam ekar, kemudahan tersebut turut memberi nilai tambah bagi perkhidmatan perkongsian pejabat (SSO), pengedaran dan pembuatan. Kini, NI memiliki kemudahan seluas 23 ekar di sini.

Dalam pada itu, Penasihat Khas (Pelaburan) kepada Ketua Menteri, Dato' Seri Lee Kah Choon yang hadir mewakili Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow, dalam ucapannya menzahirkan penghargaan kepada NI atas dedikasi dalam menjadikan usaha membangunkan hab pengedaran rantaian bekalan global suatu kenyataan.

"NI pastinya sudah jauh melangkah sejak mula bertapak di Pulau Pinang pada 2009, dan pastinya akan terus melebarkan sayapnya dari hari ke hari.

"Kemudahan NI di Pulau Pinang adalah yang ketiga terbesar bagi syarikat tersebut, menempatkan salah satu pusat R&D terbesar di luar ibu pejabatnya di Austin, Texas," ujarnya.

Hadir sama, Ketua Pegawai Eksekutif Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA), Datuk Wira Arham Abdul Rahman dan Ketua Pegawai Eksekutif InvestPenang, Dato' Loo Lee Lian.


BANGUNAN NI yang terletak di Batu Maung.


LEE Kah Choon (tengah) bersama-sama wakil agensi Persekutuan dan Negeri dibawa melawat ke fasiliti baharu *National Instruments* di sini.

*(Sambungan dari muka 1).*

# Mampu memuatkan maksimum 8,100 tetamu

Buletin Mutiara difahamkan bahawa kerja-kerja pemajuan kompleks dewan bankuet paling besar di utara Semenanjung Malaysia itu bermula pada bulan April 2017 dan siap pada September baru-baru ini dengan mendapat kelulusan sijil penyiapan dan pematuhan (CCC).

Kompleks bangunan dua tingkat tersebut adalah seluas 17,828 meter persegi.

Pada Februari 2022, pentadbiran CMI membuat pelawaan untuk melantik operator bagi menguruskan PiECCA melalui kaedah *request for proposal* (RFP).

Daripada 17 syarikat yang menyertai taklimat RFP, hanya empat syarikat membuat proses bidaan dan *Island LandsCAP Properties Group* dipilih berdasarkan kriteria teknikal lengkap dengan cadangan kreatif bagi tujuan pengoperasian PiECCA atau Butterworth Arena.

Ween Boon dalam ucapannya memberitahu bahawa pada satu-satu masa, PiECCA atau Butterworth Arena boleh memuatkan maksimum 8,100 tetamu di tiga dewan bankuet yang boleh dibuka menjadi satu dewan besar.

Itu, menurut beliau, tidak termasuk empat kamar acara di tingkat satu PiECCA yang boleh memuatkan maksimum 420 tetamu pada satu-satu masa.

"PiECCA atau Butterworth Arena ini sangat sesuai untuk organisasi antarabangsa, kerajaan, syarikat berkaitan kerajaan (GLC), institusi, syarikat multinasional dan firma korporat menganjurkan mesyuarat, persidangan, pameran, jamuan, konvokesyen, majlis anugerah, konsert dan acara kebudayaan," ulasnya lanjut.


REKA bentuk dalaman yang moden.



Oleh: **AZMI HUSSIN**

# Kompleks Sukan Pokok Sena selaras agenda pembangunan bola sepak negeri

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**PINANG TUNGGAL -** Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Stadium Dan Kawasan Lapang Pulau Pinang (PSDKLPP) melaksanakan fasa pertama pembinaan projek Kompleks Sukan Pokok Sena di Taman Sena Permai dekat Kawasan Parlimen Tasek Gelugor.

Semasa mengumumkan perkara itu, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata bahawa pelaksanaan projek yang menelan belanja lebih RM1 juta tersebut mengambil kira sebidang tanah berkeluasan 32,364 meter persegi atau lapan ekar yang telah diwartakan untuk pembangunan sebuah kompleks sukan pada tahun 1992.

"Didapati ada sebidang tanah yang sememangnya sudah diwartakan sebagai kompleks sukan tetapi dalam tempoh selama 30 tahun tidak diusahakan.

"Setelah mendapat tahu perkara ini, PSDKLPP memulakan inisiatif membangunkan tanah tersebut sesuai dengan tujuan asal iaitu sebuah kompleks sukan untuk komuniti (setempat).

"Dan, ia tidak menelan bajet yang amat besar, misalnya fasa 1 kira-kira lebih RM1 juta, diharap fasa dua dan fasa tiga juga boleh dilaksanakan dalam tempoh yang terdekat," jelasnya semasa majlis pecah tanah projek tersebut di sini pada 29 Oktober 2022.

Di samping itu, Kon Yeow yang juga Exco Pembangunan Tanah & Ekonomi dan Komunikasi memberitahu bahawa dalam fasa pertama daripada keseluruhan tiga fasa projek pembangunan kompleks sukan komuniti tersebut adalah terdiri daripada sebuah padang bola sepak mengikut piawaian Persekutuan Bola Sepak Antarabangsa (FIFA), trek joging, sebuah dewan yang dilengkapi kemudahan gelanggang badminton tertutup dan kawasan parkir awam.

Pada kesempatan sama, beliau turut merakamkan penghargaan kepada Pegawai Daerah Seberang Perai Utara (SPU), Zulkifli Rashid kerana mengetengahkan syor supaya dibangunkan projek asal kompleks sukan komuniti di atas tanah Lot 4377 Mukim 12 Daerah SPU.

Buletin Mutiara difahamkan fasa satu projek infrastruktur awam tersebut telah dimulakan dengan tahap kemajuan semasa adalah sebanyak 35 peratus kini.

Sementara itu, Exco Belia dan Sukan, Soon Lip Chee menyatakan bahawa pihaknya berharap dengan pelaksanaan projek tersebut sekali gus menyumbang kepada agenda pembangunan bola sepak negeri terutama di daerah SPU.

"Terima kasih kepada YAB Ketua Menteri kita kerana menyokong untuk mewujudkan suatu lagi (kemudahan) tambahan (padang) bola sepak yang boleh menyumbang kepada agenda pembangunan bola sepak negeri Pulau Pinang," ujarnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bagan Jermal.

Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman yang juga ADUN Pinang Tunggal; Pengarah Eksekutif PSDKLPP, Zul Kahar Khamis dan Pengarah Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang (MSNPP), Harry Chai Heng Hua turut sertai majlis pecah tanah projek tersebut.

**KETUA Menteri bersama-sama wakil-wakil berkaitan merakam gambar kenangan dengan berlatarbelakangkan tapak pemajuan Kompleks Sukan Pokok Sena sejurus majlis pecah tanah projek berkaitan di sini baru-baru ini.**



# Fungsi masjid dan surau terus diperkasa

**SEBERANG JAYA -** Kerajaan Negeri Pakatan Harapan (PH) Pulau Pinang akan terus memperkasa lagi fungsi masjid dan surau demi merealisasikan agenda pendidikan Islam berdasarkan gagasan pembangunan jangka masa panjang umat negeri yang dikenali sebagai Khaira Ummah 2030 (KU2030).

Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman berkata demikian semasa merasmikan Surau Al-Islam dekat Jalan Tenggiri di sini pada 16 Oktober 2022.

"Demi memperkasakan lagi agenda Khaira Ummah 2030 ini, saya berharap Yayasan Islam Pulau Pinang sebagai agensi negeri dapat memperhalusi cadangan (iaitu) adakah bersesuaian untuk KAFA (Kelas Al-Quran dan Fardu Ain) Peringkat Menengah diadakan di sini.

"Kalau boleh KAFA Menengah diperluaskan di sini, saya berharap ia dapat mula dilaksanakan pada tahun hadapan (2023)," jelasnya yang juga Exco Hal Ehwal Agama Islam, Koperasi dan Pemerkasaan Komuniti dalam majlis berkenaan.

Dalam perkembangan lain, Ahmad Zakiyuddin yang juga Yang Dipertua Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) turut menafikan propaganda pihak tertentu kononnya Pihak Berkuasa Negeri melarang penggunaan pembesar suara di luar masjid dan surau untuk azan dan iqamah.

Sebaliknya, beliau yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pinang Tunggal berkata bahawa Kerajaan Negeri hari ini akan terus memartabatkan syiar Islam termasuk menggalakkan semua masjid dan surau melaksanakan azan dua kali setiap Subuh, memandangkan telah ada keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Mufti Pulau Pinang bertarikh 19 Julai 2013 berhubung perkara itu.

# SPH suntik manfaat 3,840 usahawan negeri

**PANTAI JEREJAK –** Amaun maksimum pinjaman tanpa kredit, Skim Pinjaman Harapan (SPH) 2.0 hasil inisiatif khas Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) dinaikkan kepada RM50,000.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata bahawa sebelum ini, SPH pertama hanya menyediakan pinjaman berjumlah RM3,000 hingga RM25,000 berbanding kini, RM5,000 hingga RM50,000.

"Adalah diharapkan dengan penambahbaikan ini, ia dapat membantu usahawan-usahawan di Pulau Pinang mendapatkan pinjaman dengan jumlah yang lebih tinggi sekali gus mengembangkan perniagaan masing-masing.

"Malah, hari ini, kita meraikan 12 peminjam SPH 2.0 peringkat pertama membabitkan jumlah keseluruhan RM235,000," ujarnya bersempena Majlis Pelancaran Skim Pinjaman Harapan 2.0 di sini 28 Oktober lalu.

Hadir sama, Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman; Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy; Exco Perdagangan, Industri dan Pembangunan Usahawan, Dato' Abdul Halim Hussain dan Ketua Pegawai Eksekutif PDC, Dato' Aziz Bakar.

Menurut Kon Yeow, sejak penubuhan SPH yang sebelum ini dikenali sebagai Projek Titian Saksama Rakyat (PTSR) pada tahun 2009, Kerajaan Negeri melalui PDC telah memperuntukkan dana sebanyak RM11 juta untuk pelaksanaan skim berkaitan.

"Sehingga 7 Oktober 2022, sejumlah RM22,312,630.40 telah diagihkan dan memberi manfaat kepada 3,840 peminjam di semua daerah negeri ini dengan dana terkumpul SPH adalah masih berbaki RM6,318,520.83,'' jelasnya.

Mengulas lanjut, Kon Yeow berharap agar para penerima pinjaman dapat menguruskan wang pinjaman dengan baik sebagai modal pusingan serta memberikan kerjasama kepada pihak PDC untuk membuat bayaran balik pinjaman tepat pada masanya bagi membolehkan lain-lain individu yang berminat serta memerlukan juga terus dapat menikmati kemudahan berkaitan.

"Saya menaruh harapan yang tinggi kepada semua agar dapat memanfaatkan pinjaman ini dengan sebaik mungkin dan berusaha bersungguh-sungguh untuk menambah pendapatan, wang simpanan serta menambah baik perniagaan demi meningkatkan kesejahteraan hidup," ulasnya.

Difahamkan, SPH yang pada asalnya dikenali sebagai PTSR berfungsi sebagai medium untuk membantu para peniaga dan penjaja kecil Pulau Pinang melalui sistem penyaluran modal yang mudah.

Melalui saluran serta syarat yang telah ditetapkan, para usahawan yang layak berpeluang untuk menerima tawaran modal tambahan yang amat berguna untuk memperkukuhkan keupayaan pengurusan perniagaan masing-masing.

# Enam wira masyarakat terima 'ANUGERAH KOMUNITI

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**
Gambar : **ADLEENA RAHAYU AHMAD RADZI**

**GEORGE TOWN –** Seramai enam wira dalam masyarakat di negeri ini menerima Anugerah Komuniti ❤PENANG daripada Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Mereka ialah Saras Pillay, Loo Siew Ngoh (Anna Loo), Muhammad Syahir Jamaludin, Azizul Abdul Rahim, Sally Ng Chit Peng dan Chong Soon Kheng.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata bahawa anugerah tersebut adalah untuk mengiktiraf individu yang menawarkan bantuan kemanusiaan kepada golongan memerlukan secara sukarela, terutamanya semasa tempoh pandemik COVID-19.

"Untuk menamakan calon yang cemerlang, individu itu perlu mengemukakan permohonan di laman web *LovePENANG* dan ia kemudiannya akan ditapis oleh ahli-ahli panel profesional daripada agensi dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO).

"Kerajaan Negeri berterima kasih atas pengorbanan dan sumbangan wira-wira ini yang tanpa mementingkan diri sendiri telah menghulurkan bantuan kepada orang lain pada saat mereka memerlukan.

"Oleh itu, kami ingin mengiktiraf mereka melalui anugerah komuniti ini," katanya dalam sidang media yang diadakan di Komtar pada 17 Oktober lalu.

Turut hadir, Exco Kebajikan dan Alam Sekitar, Phee Boon Poh serta barisan panel iaitu Pesuruhjaya Buddhist Tzu-Chi Merit Society Malaysia (Pulau Pinang), Datuk Khoo Boo Leong; Presiden Majlis Datuk-Datuk Pulau Pinang, Datuk Seri Abdul Rafique Abdul Karim; Pengerusi Persekutuan Kilang-Kilang Malaysia Pulau Pinang (FMM), Datuk Jimmy Ong; Presiden Dewan Perniagaan dan Industri India Malaysia (Maicci), Datuk Sri N. Gobalakrishnan dan pengamal perubatan, Dr. Doreen Yeap.

Pada masa sama, Kon Yeow yang juga Exco Pembangunan Tanah & Ekonomi dan Komunikasi turut menzahirkan penghargaan kepada kesemua enam wira berkaitan atas sumbangan murni mereka kepada masyarakat.

"Bagi pihak rakyat Pulau Pinang, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada penerima anugerah ini atas jasa bakti mereka yang sangat terpuji.

"Tidak dapat dinafikan bahawa individu-individu ini telah melakukan sesuatu yang sangat mulia dan oleh itu, mereka benar-benar layak mendapat pengiktirafan ini.

"Saya amat berbesar hati untuk menyatakan bahawa warganegara yang cemerlang ini masing-masing akan pulang dengan sijil penghargaan dan sedikit penghargaan atas sumbangan mereka kepada masyarakat Pulau Pinang," tambahnya.

Menurut Kon Yeow, program Anugerah Komuniti LovePENANG masih lagi diteruskan untuk membuka peluang kepada lebih ramai wira menerima anugerah tersebut.



**BARISAN penerima Anugerah Komuniti ❤PENANG.**

"Kita tidak akan berhenti hanya kepada enam wira masyarakat ini sahaja kerana kita mahu mengenali lebih ramai lagi mereka yang berjasa di negeri ini.

"Jadi, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menggalakkan semua penduduk Pulau Pinang untuk melangkah ke hadapan dan mencalonkan individu cemerlang yang layak menerima anugerah ini.

*(Sambungan dari muka 5).*

## 'Baik hati' Azizul bantu golongan memerlukan diiktiraf



**AZIZUL Abdul Rahman.**

**PERCAYA** tidak percaya, sudah 11 tahun beliau mengambil inisiatif sendiri dengan mengutip RM2 atau RM1 sumbangan daripada rakan sekerja di samping bantuan barang-barang keperluan asasi untuk diagihkan kepada golongan terpilih sekitar Parlimen Tasek Gelugor, Kepala Batas dan Permatang Pauh.

Bersikap baik hati, padanlah **AZIZUL ABDUL RAHIM**, 38, melakukan kerja amal kebajikan tersebut dengan dibantu anak perempuannya selepas waktu kerja semasa tempoh pandemik telah memperoleh perhatian beberapa akhbar arus perdana dan laman *Facebook* tertentu.

Malah pada 17 Oktober 2022, Azizul yang juga kakitangan Unit Upcycle di bawah Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) telah mendapat pengiktirafan daripada Kerajaan Negeri hari ini.

Baru-baru ini, wartawan Buletin Mutiara, **ZAINULFAQAR YAACOB** dan **NOOR SITI NABILAH NOORAZIS** (jurugambar) berpeluang menemuramah insan berkenaan di sini.

Mulanya Azizul berat hati juga untuk berkongsi lanjut mengenai kerja amal kebajikannya, yang disifatkan sebagai fardu kifayah.

Namun, selepas dipujuk, beliau dalam nada sederhana memberitahu bahawa kerja amal tersebut tidak akan berjaya sekiranya rakan-rakan sekerja di Depoh Pembersihan Tasek Gelugor MBSP tidak menyumbang RM1 atau RM2 setiap bulan.

"Saya ini Mandor Kanan di MBSP, kerja amal ini mula sejak 11 tahun lepas, mulanya saya guna duit gaji saya dahulu untuk bantu ibu tunggal, pesakit kronik dan warga emas terpilih.

"Kerja amal ini, saya mula di tempat saya bertugas iaitu di Tasek Gelugor, selepas itu adalah saya buat kutipan atas nama 'Bekerja Sambil Beramal' dalam kalangan kawan-kawan di tempat kerja.

"Sebulan sekali, kawan-kawan di tempat kerja masing-masing secara ikhlas ada yang menyumbang RM2 atau RM1.

"Dalam sebulan, boleh kutip sekitar RM150, dengan sumbangan itu, dapat membantu dua tiga keluarga terpilih dalam bentuk barang dapur," jelasnya.

Beliau memberitahu setiap hari bekerja, beliau bekerja mulai 7 pagi hingga 4 petang.

Lazimnya, segala kerja amal kebajikan tersebut akan dilaksanakan selepas waktu bekerja, iaitu sesudah solat Asar; bergantung kepada jumlah dana yang berjaya dikutip atau sumbangan orang perseorangan dalam bentuk barang-barang keperluan asasi.

"Saya memang buat sendiri, dengan dibantu kawan-kawan, buat masa ini tidak melalui pertubuhan bukan kerjaan (NGO).

"Semua kerja amal ini dilakukan selepas waktu bekerja.

"Alhamdulillah, saya bersyukur kerana Dato' Seri Sr. Rozali Mohamud iaitu mantan Datuk Bandar MBSP, Datuk Bandar MBSP hari ini (Dato' Azhar Arshad) dan Tuan Ahmad Zabri Mohamed Sarajudin (Pengarah Perkhidmatan Perbandaran MBSP) turut memberi sokongan secara tidak langsung, apabila mengetahui kerja amal saya dan kawan-kawan lain semasa tempoh pandemik COVID-19," ujarnya.

Tambah Azizul, kerja amal yang dilakukan tersebut sebenarnya adalah secara kecil-kecilan sahaja, cuma semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) telah mendapat liputan beberapa media arus perdana dan pempengaruh media sosial.

*(Sambungan dari muka 5).*

(Sambungan dari muka 4).

# PENANG'



"Apa yang anda perlu dilakukan adalah layari laman web *LovePENANG* di *www.lovepg.my*, dan isikan permohonan dengan maklumat mengenai penama anda serta kisah mereka.

"Kami pastinya menghargai sokongan anda dalam mencari wira masyarakat di negeri ini dan memberi ganjaran kepada mereka kerana mereka sememangnya layak," ujarnya lanjut.

"Semasa PKP memang ramai yang membantu kerja amal ini, selepas viral dalam akhbar Metro, *Facebook* dan *The Malay Mail* edisi Kuala Lumpur.

"Setakat ini, setiap bulan dalam 25 hingga 30 orang memang telah ada dalam senarai untuk saya bagi sumbangan pada hujung bulan.

"Lazimnya, saya juga mendapat bantuan dalam bentuk barang-barang untuk diagihkan kepada individu terpilih ini, jarang kita terima duit ringgit dalam jumlah yang banyak (melainkan sumbangan RM2 atau RM1 daripada rakan-rakan sekerja).

"Sebabnya, tumpuan saya memang agih barang-barang keperluan asas di dapur daripada bagi sumbangan dalam bentuk duit ringgit sebab warga emas dan golongan sakit kronik umpamanya memang ada kekangan untuk ke kedai sendiri bagi membeli barang-barang keperluan mereka," ulasnya lanjut.

Pernah suatu masa, Azizul menyatakan bahawa ada satu pihak pernah menawarkan beliau menjadi Pengerusi Badan Asnaf Negeri Pulau Pinang, tetapi ditolak dengan penuh santun kerana ada kerja hakiki di pihak berkuasa tempatan (PBT) berkenaan.

Mengakhiri wawancara, beliau senantiasa mengingatkan diri bahawa di sebalik kerja amal kebajikan berkaitan bukan untuk mencari nama, walaupun kadang kala terpaksa memuat naik gambar di media sosial peribadi.

"Kadang-kadang memang kita tidak mahu pamerkan gambar-gambar barang sumbangan di media sosial peribadi.

"Bagi saya, buat kerja amal kebajikan ini bukan untuk menunjuk kepada orang ramai.

"Kadang-kadang, saya memuat naik gambar di *Facebook* peribadi bukan untuk 'menunjuk' tetapi disebabkan orang awam bagi sumbangan barang dan duit ringgit, jadi saya tunjuk hasil kerja sumbangan mereka ini sahaja," jelasnya.



**MUHAMMAD Syahir Jamaludin menunjukkan sijil penghargaan *LovePENANG Community Awards* yang diterima daripada Kerajaan Negeri Pulau Pinang baru-baru ini.**

# Pengalaman dan keberanian MUHAMMAD SYAHIR selamatkan mangsa bunuh diri

**NAMANYA** mungkin tidak terkenal seperti deretan selebriti serta pempengaruh media sosial yang kita kenali sekarang.

Namun, tindakan **MUHAMMAD SYAHIR JAMALUDIN** menyelamat seorang individu yang pernah cuba membunuh diri di Jambatan Pulau Pinang pada 21 Mei 2022 tentu sangat bermakna kepada semua pihak.

Bertugas sebagai pegawai Jabatan Bomba dan Penyelamat (Bomba) dekat Jalan Perak, pada hari kejadian Muhammad syahir memberitahu bahawa ia merupakan hari rehatnya.

Jadi, Muhammad Syahir memanfaatkan hari cuti tersebut untuk ke Seberang Perai dengan menunggang motosikal bagi membeli barang-barang keperluan tertentu.

Semasa dalam perjalanan pulang ke bahagian pulau, saya ternampak ramai orang berkumpul di bahu jambatan bagi memujuk seorang individu supaya membatalkan niat untuk terjun ke laut.

"Masa itu lihat orang ramai berkumpul di kilometer (km) 3.4, apabila diamati, seorang wanita dalam lingkungan umur awal 50-an cuba terjun (dari jambatan).

"Ada orang awam yang cuba pujuk untuk dia batalkan hasrat tersebut, tetapi dia (mangsa) mengugut, selangkah ke depan dia akan terjun.

"Kebetulan dalam tugasan sebenar pun saya banyak berdepan kes-kes cubaan bunuh diri ini, jadi adalah pengalaman yang kita tahu bila perlu bertindak untuk selamatkan mangsa," ujarnya yang turut menerima penghargaan *LovePENANG Community Awards* daripada Kerajaan Negeri baru-baru ini.

Dalam situasi itu, Muhammad Syahir menyusup secara senyap-senyap ke pandangan titik buta mangsa bagi mengelakkan kehadirannya disedari.

"Waktu itu, dia cuba masukkan kad pengenalan dia dalam poket depan, tetapi tersangkut, pada masa sama, orang awam tengah pujuk dia, waktu itulah saya bertindak menarik mangsa yang sebelum itu duduk atas tembok penghadang jambatan.

"Selepas itu, saya dengan dibantu orang awam cuba tenangkan dia, sementara menunggu bantuan pihak berkuasa dan sebagainya," jelas anak jati Tikam Batu, Kedah itu yang sudah 13 tahun berkhidmat dalam pasukan Bomba.

Muhammad Syahir dalam pada itu juga sudah bersedia untuk reaksi menyelamat spontan sekiranya mangsa terus nekad dan beliau sememangnya terlatih sekiranya mangsa bertindak sedemikian.

"Selama lapan tahun berkhidmat di Pulau Pinang, kes bunuh diri tidak asing lagi baginya.

"Orang kata Balai Bomba Jalan Perak (lokasi bertugas) ini memang terkenal untuk kes-kes panggilan bunuh diri.

"Antara lokasi lain yang kerap jadi 'pilihan' bunuh diri adalah perumahan flat, ada juga yang gantung diri (dan) tidak kurang yang minum racun.

"Semuanya ada masalah tersendiri seperti putus cinta, putus harapan untuk hidup akibat sakit (warga emas), tekanan perasaan, masalah keluarga dan lain-lain lagi," maklumnya yang juga pernah berkhidmat di Lembah Klang.

## 'Tragedi besar'

Pada tahun 2015, tragedi menjumpai bayi rentung dalam kebakaran dekat Kampung Nelayan Teluk Kumbar antara peristiwa yang tidak dapat dilupakan hingga kini.

"Bayi tersebut berada di tingkat atas, tidak sempat diselamatkan, bagaimanapun ini semua kuasa Allah, keadaan masa itu berbau sangat wangi, berbeza dengan lokasi kalau mayat rentung akan bau seakan-akan daging bakar.

"Papan tempat tidur bayi tersebut juga dalam keadaan baik, kalau terbakar dia akan jatuh ke tingkat bawah, kulit dia pun masih keras dan anjal, kalau manusia terbakar, jadi macam kulit ikan bakar boleh selak.

"Siapapun masuk ke lokasi masa itu boleh bau wangian tersebut, wangi yang kita tidak pernah bau sebelum ini," maklumnya yang turut sebak teringatkan anak sendiri pada ketika itu.

## Nasihat

Oleh kerana terlalu banyak berdepan dengan kes bunuh diri, Muhammad Syahir menasihatkan individu mempunyai tekanan perasaan yang tidak mampu dikawal untuk segera mendapatkan rawatan.

Selain itu, beliau juga menasihati mereka yang berkenaan supaya menceritakan perkara terpendam dalam diri kepada orang terdekat untuk mencari jalan penyelesaian.

"Di Pulau Pinang ada beberapa badan bukan kerajaan (NGO) juga sedia membantu.

"Dalam NGO seperti ini ada juga individu yang pernah mengalami sakit *depression* dan sembuh sepenuhnya untuk beri sokongan dan semangat.

"Di sinilah pentingnya peranan masyarakat dalam menjaga keharmornian dan mampu mengelakkan daripada mengambil tindakan sendiri termasuk mencabut nyawa," katanya menutup bicara.

# Bangunan baharu SAR Tanjong Tokong simbol reformasi pendidikan Islam

Teks & Gambar : **ZAINULFAQAR YAACOB**

**TANJONG BUNGA** - Bangunan baharu Sekolah Agama Rakyat (SAR) bersebelahan Masjid Tuan Guru dekat Tanjong Tokong akan menjadi satu lagi simbol usaha Kerajaan Negeri memartabatkan Kelas Al-Quran dan Fardu Ain (KAFA) Rendah dan Menengah di negeri Pulau Pinang.

Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman yang juga Exco Hal Ehwal Agama Islam, Koperasi dan Pemerkasaan Komuniti berkata demikian pada Majlis Penyerahan Projek Untuk Tawaran Semula Kerja-Kerja Membina Baharu SAR Masjid Tuan Guru Tanjong Tokong di sini 7 Oktober 2022.



**IR. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman (dua dari kanan) dan Zairil Khir Johari (kanan sekali) ketika menyaksikan Majlis Penyerahan Projek Untuk Tawaran Semula Kerja-Kerja Membina Baharu SAR Masjid Tuan Guru Tanjong Tokong di sini baru-baru ini.**

Beliau yang juga Yang Dipertua Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) memberitahu bahawa projek infrastruktur awam yang dilaksanakan oleh Jabatan Kerja Raya (JKR) Negeri Pulau Pinang itu siap pada 7 Jun lepas dengan perbelanjaan berjumlah RM2,930,049.38.

"Dalam membangunkan (Visi) Khaira Ummah 2030 ini, salah satu usaha kita (Kerajaan Negeri) dalam memartabat umat adalah memberi tumpuan kepada reformasi pendidikan Islam secara keseluruhannya dari peringkat tadika hingga KAFA Rendah dan KAFA Menengah, juga madrasah-madrasah tahfiz hatta institusi masjid-masjid.

"Itu, antara usaha yang kita rangka untuk membantu ke arah menyediakan generasi terbaik dalam menghadapi cabaran-cabaran (yang berlandaskan Visi) Penang2030," jelasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pinang Tunggal.

Difahamkan, SAR berkenaan ditubuhkan pada tahun 2001 untuk memenuhi keperluan anak-anak kariah Masjid Tuan Guru Tanjong Tokong belajar Al-Quran dan Fardu Ain.

Semasa itu, Imam I Masjid Tuan Guru, Haji Abdul Wahab Osman dan Ustaz Roshidan Hassan yang menerajui proses pendidikan di SAR tersebut adalah dengan penglibatan 35 murid serta tiga tenaga pengajar.

Selepas tempoh dua dekad, SAR tersebut kini mempunyai lebih 200 pelajar dan 11 tenaga pengajar.

Dengan jumlah penuntut yang kian meningkat saban tahun, pada tahun 2019, pentadbir Masjid Tuan Guru Tanjong Tokong telah membuat permohonan untuk membina sebuah bangunan sekolah yang baharu.

Mengulas lanjut, Exco Infrastruktur dan Pengangkutan, Zairil Khir Johari dalam pada itu menzahirkan rasa syukur ekoran projek tersebut siap seperti yang dirancang.

"Kerja-kerja pembinaan sekolah agama rakyat ini melibatkan kerja-kerja permulaan, pembinaan asas, pembinaan bangunan sekolah dua tingkat yang mengandungi 10 bilik darjah dengan kapasiti 20 murid setiap kelas.

"Kapasiti keseluruhan boleh menampung seramai 200 orang pelajar, dewan terbuka yang boleh dijadikan dewan solat dengan memuatkan 200 jemaah pada satu-satu masa, sebuah bilik mesyuarat, sebuah bilik guru dan sebuah stor.

"Sehubungan itu, saya amat berharap semua pihak berpuas hati dan projek ini akan memberi manfaat kepada penduduk setempat serta memenuhi objektif, visi dan misi penubuhan sekolah agama rakyat ini," ujarnya yang juga ADUN Tanjong Bunga.

## Silang Kata 'Dari Gabenor Ke TYT'

### Siri 2

Tarikh tutup bagi Siri 2: **31 Disember 2022**

### Melintang

3. Lokasi pendaratan Kapten Francis Light
6. Allahyarham Tun Hamdan Sheikh Tahir pernah berkhidmat sebagai Naib Canselor ..........
7. Seberang Perai digelar sebagai .......... oleh pihak Inggeris
8. Kenderaan rasmi Gabenor Pulau Pinang
9. Motif ukiran kerusi kerawang istiadat
10. Tempat kelahiran Allahyarham Tun Dr. Haji Awang Hassan
11. Pemberian hadiah Datok Janatun kepada Sultan Kedah
12. Ibu negeri Pulau Pinang

### Menegak

1. Konsep seni bina kediaman Seri Mutiara
2. Pasangan Kapten Francis Light
4. Kerjaya awal Tun Abdul Rahman Abbas
5. Pulau Batu Puteh
6. Nama bendera yang diturunkan pada hari Pengisytiharan Kemerdekaan Tanah Melayu
7. Nama makam Allahyarham Tun Sardon Jubir
13. Sukan kegemaran Allahyarham Tun Syed Sheh Abdullah Shahabudin





**Lengkapkan slogan dibawah:**

Saya suka melawat ke Pameran Dari Gabenor Ke TYT kerana ..........................................

..........................................

..........................................

*(tidak melebihi 20 patah perkataan)*

PENANG 2030 ❤PENANG

BULETIN MUTIARA PSAG PENANG STATE ART GALLERY

**Sila lengkapkan butiran berikut :**

Nama Penuh: ..........................................

No. Kad Pengenalan: ..........................................

Alamat: ..........................................

..........................................

..........................................

No. Telefon: (Bimbit) ..........................................

Emel: ..........................................

**Terma & Syarat Peraduan:**

1. Terbuka kepada semua warganegara Malaysia.
2. Lengkapkan silang kata berserta slogan paling kreatif tidak melebihi 20 patah perkataan.
3. Hanya borang penyertaan asli boleh digunakan.
4. Peserta boleh menghantar **SATU** penyertaan sahaja.
5. Hanya penyertaan yang lengkap bakal diadili.
6. Penyertaan ahli keluarga terdekat barisan penganjur adalah tidak sah.
7. Tarikh TUTUP bagi Siri 2 ialah **31 Disember 2022**.
8. Sebarang pertanyaan sila hubungi 04-6505564 / 5256 / 5704.
9. Hantarkan penyertaan ke:
   Buletin Mutiara, Peraduan Silang Kata – Dari Gabenor Ke TYT Siri 2,
   Tingkat 47 Komtar, 10503 Pulau Pinang.

**Jawapan silang kata boleh didapati di Pameran Dari Gabenor Ke TYT yang berlangsung di Perpustakaan Awam Pulau Pinang, Seberang Jaya bermula pada 15 November 2022 – 27 Disember 2022.**

**Hadiah:**

**Pertama:** RM300 + cenderamata eksklusif

**Kedua:** RM200 + cenderamata eksklusif

**Ketiga:** RM100 + cenderamata eksklusif

# Teknologi 5G cetus perubahan untuk Pulau Pinang - Zairil



ZAIRIL Khir Johari.

**SEJAJAR** dengan perkembangan teknologi dan perubahan gaya hidup masyarakat pada masa kini, pembangunan infrastruktur komunikasi dilihat turut bercambah dengan pesatnya bagi menampung permintaan dan kehendak rakyat terhadap perkhidmatan komunikasi dan jalur lebar.

Susulan itu, pada peringkat negeri, Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah mengambil inisiatif mewujudkan Pelan Induk Kesalinghubungan Pulau Pinang bersama-sama syarikat-syarikat telekomunikasi tempatan yang bertujuan untuk menerajui pembangunan infrastruktur telekomunikasi di negeri ini sejajar dengan Visi Penang2030 ke arah menjadikan Pulau Pinang sebuah Negeri Pintar dan Hijau Berteraskan Keluarga Inspirasi Negara.

Pelan tersebut bertindak sebagai pelan induk yang komprehensif dalam merancang, menyelaras dan melaksanakan semua perkara berhubung telekomunikasi di negeri ini dengan berpandukan dasar peringkat persekutuan, Pelan Gentian Optik dan Kesalinghubungan Negara (NFCP).

Pada September lalu, Pulau Pinang menjadi negeri pertama di Wilayah Utara yang mempunyai rangkaian spektrum 5G sekali gus memberi nilai tambah dan nilai komersial bermutu tinggi dalam memacu peningkatan ekonomi digital di negeri ini.

Malah, pembangunan infrastruktur komunikasi 5G ini juga menjadi penggerak utama pertumbuhan ekonomi terutama dalam sektor perindustrian serta perkhidmatan bukan sahaja di Pulau Pinang bahkan seantero dunia.

Wartawan Buletin Mutiara, **AINUL WARDAH SOHILLI** bersama-sama jurugambar, **ALISSALA THIAN** berkesempatan menemu bual Exco Infrastruktur dan Pengangkutan, **ZAIRIL KHIR JOHARI** bagi mengetahui dengan lebih lanjut berhubung pelaksanaan perkhidmatan 5G semasa di Pulau Mutiara ini.

Menurut Zairil, sebanyak lima penyedia perkhidmatan telekomunikasi telah menandatangani Perjanjian Akses bersama-sama pihak Digital Nasional Berhad (DNB) pada 30 Oktober 2022.

"Sebelum ini, hanya syarikat YTL Communications Sdn. Bhd. (YTL) yang bertindak sebagai pengendali telekomunikasi perkhidmatan 5G di Pulau Pinang.

"Namun, baru-baru ini sebanyak empat syarikat lain telah bersetuju untuk bekerjasama iaitu syarikat U Mobile Sdn. Bhd.; syarikat Celcom Networks Sdn. Bhd.; Digi Telecommunications Sdn, Bhd. dan Telekom Malaysia (TM).

"Sebanyak 151 tapak telah dikenal pasti bagi memancarkan spektrum 5G kawasan pulau di bawah Pelan Pelaksanaan 5G di Negeri Pulau Pinang Fasa 1 untuk tahun ini.

"Manakala bagi kawasan Seberang Perai pula, sebanyak 235 tapak dikenal pasti bagi pelaksanaan Fasa 2 mulai tahun hadapan," ujarnya ketika ditemui dekat pejabatnya di Komtar baru-baru ini.

Jelas Zairil, lokasi-lokasi yang dikenal pasti tersebut adalah meliputi kawasan perindustrian, kawasan berkepadatan tinggi dan tempat tumpuan umum seperti di George Town; Daerah Kreatif Digital; Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang dan Pusat Konvensyen Setia SPICE di Bayan Lepas.

"Setakat ini, sebanyak 82 lokasi telah siap struktur telekomunikasi dan akan dilaksanakan di semua 151 lokasi sebelum hujung tahun 2022.

"Kawasan yang kini telah mempunyai liputan 5G adalah di George Town; Pulau Tikus; Sungai Pinang; Batu Lancang; Bukit Gelugor; Sungai Tiram; Batu Maung dan Bayan Baru," katanya.

## Rakyat sambut baik

Apabila ditanya mengenai sambutan rakyat Pulau Pinang terhadap perkhidmatan 5G ini, Zairil memberitahu bahawa sambutan adalah baik terutama di kawasan yang telah mempunyai liputan.

"Pengguna dapat menikmati kelajuan pada kapasiti sekurang-kurangnya 100Mbps yang mana kelajuan ini lebih kurang sama dengan kapasiti kelajuan jalur lebar di rumah.

"Kelajuan ini membolehkan kita menonton video di peranti mudah alih tanpa sekat-sekat," katanya yang mahu mempercepatkan pelaksanaan perkhidmatan 5G di seluruh negeri ini.

## Cabaran dan kekangan

Pastinya setiap perkara mempunyai cabaran dan kekangannya yang tersendiri. Bagi Zairil, sepanjang melaksanakan perkhidmatan 5G berkaitan, cabaran terbesar adalah kesukaran untuk mendapatkan kelulusan daripada tuan punya tanah atau bangunan yang ingin dibangunkan struktur telekomunikasi 5G.

"Ditambah pula dengan kelewatan untuk mendapatkan ulasan daripada jabatan serta agensi teknikal luar yang terlibat dan lain-lain hal berkaitan pentadbiran, birokrasi.

"Terdapat juga beberapa kekangan misalnya untuk mendapatkan lokasi tapak yang sesuai bagi membina struktur telekomunikasi 5G, bantahan daripada penduduk dan isu reka bentuk lampu jalan pintar yang akan dilaksanakan kelak," jelasnya.

Mengulas mengenai pembinaan struktur telekomunikasi 5G, Zairil memaklumkan bahawa segalanya mengikut garis panduan sedia ada yang ditetapkan oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM).

"Garis panduan ini ditetapkan oleh SKMM bersama-sama pihak DNB agar pembinaan struktur telekomunikasi lebih terancang dan lebih selamat.

"Aspek keselamatan ini bukan sahaja dari segi kestabilan struktur, tetapi juga mengambil kira aspek kesihatan dan bebas radiasi kerana mengikut amalan keselamatan antarabangsa serta piawaian yang diguna pakai seluruh dunia.

"Sememangnya tidak dinafikan, ada dalam kalangan rakyat yang bimbang mengenai radiasi, namun mereka harus mendapatkan maklumat tepat melalui saluran yang betul dan bukannya melalui media sosial sehingga timbulnya salah tanggapan," ulasnya.

## Harapan

Kerajaan Negeri Pulau Pinang sentiasa meletakkan harapan untuk muncul sebagai negeri pertama di Malaysia yang menjadi 'Bandar Gigabit' dengan menawarkan rangkaian internet berkelajuan tinggi dan liputan yang lebih kukuh serta meluas kepada seluruh rakyat di negeri ini.

"(Dan) bagi mencapai harapan tersebut, Kerajaan Negeri menyasarkan ketersediaan 100 peratus kelajuan gigabit untuk dinikmati oleh rakyat Pulau Pinang.

"Hal ini termasuk menyediakan infrastruktur telekomunikasi yang menyeluruh bukan sahaja di kawasan perindustrian tetapi juga kawasan yang berpopulasi.

"Lagipun, (perkhidmatan) 5G ini bakal menjadi pencetus perubahan untuk pelbagai kegiatan berteknologi terutamanya sektor perindustrian dan sektor e-dagang yang menggunakan perkhidmatan secara dalam talian.

"Oleh yang demikian, Kerajaan Negeri berharap agar proses automasi dan penggunaan gajet pintar yang disokong oleh teknologi 5G ini dapat memberi impak yang positif baik terhadap sektor perindustrian mahupun pengguna (awam) di negeri ini," ulasnya.




ZAIRIL Khir Johari (berdiri, enam dari kiri) semasa majlis pelancaran Rangkaian 5G di Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang baru-baru ini.

# Kebudayaan tradisional HARAPAN



TURUT mewarisi bakat sebagai 'Tok Dalang'.



PASANGAN Mohd. Juffry Yusoff (kiri) dan Wani Derahim menaruh harapan agar muzik serta persembahan tradisional dapat dikekalkan dan tidak ditelan zaman.

**PENGGIAT** seni tarian dan kebudayaan tradisional, Wak Long Entertainment bukan satu nama yang asing bagi masyarakat di negeri ini.

Bahkan, kumpulan penggiat persembahan kebudayaan tradisional meliputi muzik dan tarian tersebut turut menempa nama di wilayah utara dan semenanjung Malaysia.

Baru-baru ini Buletin Mutiara menerusi penulis, **WATAWA NATAF ZULKIFLI** dan jurugambar **DARWINA MOHD. DAUD** menemu ramah Pengurus Produksi, **WANI DERAHIM** dan pasangannya merangkap pengasas Wak Long, **MOHD. JUFFRY YUSOFF**.

Sejarah Wak Long diasaskan melalui penubuhan Kurnia Klasik Enterprise pada tahun 2002, namun beberapa kekangan dan permasalahan seperti komitmen telah merumitkan perjalanan syarikat tersebut.

"Suami saya memulakan kerjaya dengan Universiti Sains Malaysia (USM) pada tahun 1980 dalam bidang tarian tradisional selaku pembantu pensyarah dan memang menyimpan hasrat ke arah penubuhan syarikat.

"Tambahan pula, hingga kini memang tidak banyak kumpulan atau syarikat aktif dalam bidang yang kami usahakan, kalau ada pun mungkin badan kerajaan seperti Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri dan Jabatan Kebudayaan Negeri Pulau Pinang," ujar Wani membuka bicara.

Di Wak Long, pelbagai tarian tradisional dapat dipelajari dan sekiranya bernasib baik dan cemerlang, anda secara langsung akan terpilih sebagai artis di sini dan berupaya menambah pendapatan sampingan.

Antara tarian yang diajar di sini adalah Mak Yong, dikir barat, produk kraf, bengkel gendang Melayu, membuat wau, muzik wayang kulit, bengkel silat dan tarian-tarian tradisional.

"Selain itu, terdapat juga bengkel dan kelas-kelas alatan muzik tradisional seperti gamelan, gendang Melayu saron, gambang, keromong, kenong, gong dan pelbagai lagi.

"Atas komitmen ini, Mohd. Juffry juga terpaksa bersara awal pada tahun 2017 pada usia 56 tahun untuk beri tumpuan penuh kepada syarikat.

"Saya lebih kepada pengurusan, sementara Mohd. Juffry pula terarah kepada memberi latihan kepada pelajar," jelas anak kelahiran negeri Cik Siti Wan Kembang itu lagi.

Difahamkan, terdapat kira-kira 30 artis kebudayaan yang bernaung di bawah Wak Long yang terdiri daripada pelbagai latar belakang pekerjaan.

"Mereka semua ini datang kerana minat, malah ada yang datang sini sampai jadi profesional dan paling ditekankan adalah mampu bermain alat muzik.

"Kadang-kadang ada juga yang kurang berbakat tetapi sangat rajin datang untuk berlatih, maka kepakaran itu terhasil daripada usaha keras mereka sendiri," maklumnya lagi.

Permintaan Wak Long juga datang daripada kepelbagaian majlis seperti korporat, santai, persembahan di hotel, pusat beli-belah dan bermacam-macam majlis.

"Sebelum ini pernah juga mohon untuk persembahan besar bagi *George Town Festival*, malangnya kami tidak pernah diterima, cuma dapat persembahan kecil atau dipanggil *pocket performance*, jadi tahun ini 'merajuk' sikit malas untuk mohon," selorohnya.



KEPELBAGAIAN alat muzik seperti gendang, kompang dan canang pastinya menjadikan persembahan muzik tradisional lebih menyedapkan halwa telinga penonton.

## Cabaran

Menurut Wani, cabaran utama bagi Wak Long sudah tentu dari segi keberadaan artis itu sendiri.

"Dekat sini semua adalah separuh masa, kadang-kadang ada persembahan yang masanya bertindih terutamanya hujung minggu, bulan puasa dan Hari Raya Aidilfitri.

"Di situlah pentingnya seseorang artis yang *versatile* iaitu dia boleh kuasai lebih dari satu alat muzik tetapi untuk ke tahap boleh membuat persembahan, akan memang memakan masa.

"Tambahan pula, generasi muda hari ini susah kita nak cari yang betul-betul berminat dan mahir dalam bidang ini," ujarnya yang mempunyai lima orang cahaya mata.

Anak-anaknya juga bekerja dalam bidang yang tidak berkaitan seni, namun beliau dan Mohd. Juffry tetap berjaya menurunkan darah seni itu kepada lima beradik tersebut.

Difahamkan, ada antara anaknya yang bekerja sebagai doktor dan berkhidmat di luar Pulau Pinang.

"Apa yang saya nampak sekarang adalah dua anak saya terutamanya yang berusia 12 tahun sudah mahir dalam gamelan.

"Justeru, saya harap bakat dia dapat diketengahkan lagi, sudah banyak juga persembahan besar yang dia sertai antaranya *Penang Hill Festival* baru-baru ini," jelasnya yang turut mempunyai bengkel khas di Balik Pulau hanya untuk persembahan sahaja.

# WAK LONG berkembang sejajar sektor pelancongan



WATAK-watak wayang kulit yang dihasilkan.



WANI Derahim turut mahir bermain pelbagai alat muzik tradisional.

## Harapan

Bercerita mengenai harapan, Wani dan Mohd. Juffry berharap muzik serta tarian tradisional yang diperjuangkan oleh mereka dapat diperluaskan lagi.

Mereka melihat kawasan tumpuan pelancong seperti Lebuh Armenian sebagai satu lokasi strategik untuk memperkenalkan kebudayaan Malaysia kepada palancong asing khususnya.

"Kalau boleh ada mana-mana pihak sanggup sediakan lokasi persembahan berkala kepada kami pun dah bersyukur.

"Dari situ, kita dapat perkenalkan warisan kita ini kepada pelancong luar negara," katanya yang masih menaruh harapan untuk mendapat lokasi persembahan bersesuaian.

# Louis istimewa luaran dan dalaman, pelopori bidang seni



LOUIS Gan.

Oleh : **NUR ASHIKIN ISMAIL**
Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**

**KEKURANGAN** dari segi pendengaran bagi sesetengah individu mungkin menjadi penghalang dalam menggapai impian dan cita-cita dalam hidup.

Bagi **LOUIS GAN**, 34, seorang artis mural terkenal dengan hasil karyanya di sekitar Pulau Pinang, tiada yang mustahil dan berpendapat hanya perlu berusaha lebih untuk berjaya.

